# AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

## *PERATURAN-PERATURAN RACUN MAKHLUK PEROSAK (IKLAN) 1996*

**Tarikh mula berkuatkuasa :**
**1 April 1996**

Selepas **1 April 1996**, setiap Iklan Racun Perosak mestilah diluluskan oleh Lembaga sebelum boleh diterbitkan di media elektronik atau media cetak.

**Tujuan :** Memastikan Iklan Racun Perosak yang diterbitkan tidak mengelirukan tetapi **memberi maklumat berguna** kepada pembeli dan pengguna racun perosak.

# Iklan Racun Perosak:

Ertinya **pemberitahuan** kepada orang awam melalui ‘**media iklan**’ mengenai racun perosak atau perkhidmatan kawalan perosak menggunakan racun perosak dengan tujuan untuk **menggalakkan jualan** atau perkhidmatan tersebut.

**Media Iklan**: Ertinya apa-apa media yang boleh digunakan untuk tujuan iklan.

Media elektronik – radio, TV, filem gambar bergerak, video dll.

Media cetak – surat khabar, majalah, terbitan berkala, poster, risalah, papan iklan, alatulis, sepanduk, bangunan, kenderaan, alat hiasan, pakaian dll.

## Bagaimana memohon kelulusan iklan:

Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha,**
**Lembaga Racun Makhluk Perosak,**
**Jabatan Pertanian,**
**Jalan Sultan Sallahuddin, Kuala Lumpur.**

- satu set borang permohonan,
- **27** salinan iklan yang dicadangkan pada kertas **saiz A4**,
- iklan media cetak hendaklah dalam **cetakan berwarna**,
- iklan dalam **bahasa Malaysia** mestilah **disahkan betul** dari segi **tatabahasa** oleh **Dewan Bahasa & Pustaka,**

- Iklan yang menggunakan Bahasa Malaysia **bersama-sama bahasa lain**, **keutamaan** hendaklah diberikan kepada **perkataan** dan **huruf** dalam bahasa Malaysia dari segi **kedudukan, saiz** dan **kepekatan warna.**

- Iklan dalam bahasa **selain Bahasa Malaysia** / Bahasa Inggeris hendaklah disertakan dengan terjemahan iklan tersebut sebanyak **dua puluh tujuh (27) salinan** (termasuk satu salinan asal) dalam bahasa Malaysia

- iklan dalam bahasa **selain** bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris perlu disertakan **terjemahan iklan** tersebut yang **disahkan betul** oleh **Persatuan Penterjemahan Malaysia** atau **Institut Terjemahan Negara**

- permohonan yang **berasingan** perlu dibuat bagi **iklan** yang **berlainan.**

**Sesuatu iklan adalah berlainan daripada yang lain jika:**

a) racun perosak atau produk yang hendak diiklankan adalah berlainan,
b) bahasa atau dialek adalah berlainan,
c) pengiklan/agen yang diberikuasa adalah berlainan,
d) media iklan adalah berlainan.

**Iklan Kelulusan Laluan Singkat:**

- iklan **tanpa dakwaan**,
- iklan yang telah **diluluskan** dalam **satu media** dan kemudiannya dipohon untuk **diterbitkan** dalam **media yang berlainan**,

- **b) Iklan yang mempunyai dakwaan/ungkapan/slogan/frasa singkatan yang pernah diluluskan.**
- **c) Iklan yang telah diluluskan dalam satu media dan kemudian dimohon untuk diterbitkan dalam media yang berlainan (contohnya iklan risalah diterbitkan dalam surat khabar).**

- d) **Iklan yang mempunyai maklumat yang sama dengan label.**
- **e) Iklan berbentuk Petak Demonstrasi (Kerjasama Agensi Kerajaan), yang tidak mempunyai sebarang dakwaan.**
- **f) Iklan tanpa dakwaan yang membezakan racun produk tiruan dengan racun produk tulen.**

- **3 salinan** iklan sahaja perlu dikemukakan,
- akan dimaklumkan untuk mendapat persetujuan JIRP.

**Bayaran:**

- bayaran memproses setiap permohonan iklan ialah **RM100.00 @ Bahasa @ produk @ media** dan dibuat pada masa permohonan dikemukakan ,

  - Bank draf/ kiriman wang / wang pos
  - **Ketua Pengarah Pertanian**

- bayaran ini **tidak boleh** dibayar balik,
  - bayaran **tidak** dikenakan bagi permohonan yang **dikemukakan** semula **dengan pindaan** yang dibuat seperti yang **disyorkan oleh Lembaga.**

## Kelulusan Iklan:

- Setiap kelulusan akan diberikan No. kelulusan **JIRP.P/E/xxxx/xxx**

- pemohon hendaklah **mengemukakan** kepada Lembaga salinan muktamad iklan yang berkenaan **sebelum** penerbitannya.

**Perkara yang '*boleh*' dan '*tidak boleh*'**
**dalam iklan racun perosak:**

- semua **gambaran, dakwaan**, **perbandingan** dan rujukan terhadap sesuatu ujian, percubaan penyelidikan dan sebagainya dalam iklan mestilah **disahkan/dibuktikan** sepenuhnya

- semua iklan racun perosak hendaklah mengandungi pernyataan mandatori “**INI IKLAN RACUN PEROSAK**” dicetak dengan jelas padabahagian paling atas iklan

&

pernyataan“**BACA LABELSEBELUM GUNA**” di bahagian bawah iklan.

i. ‘BACA LABEL SEBELUM GUNA’

ii. ‘THIS IS A PESTICIDE ADVERTISEMENT’

iii. ‘READ LABEL BEFORE USE’

iv. ‘BERHATI-HATI APABILA MENGENDALIKAN RACUN MAKHLUK PEROSAK’

v. ‘BERHATI-HATI APABILA MENGGUNAKAN RACUN MAKHLUK PEROSAK’

vi. ‘UTAMAKAN KESELAMATAN APABILA MENGGUNAKAN RACUN MAKHLUK PEROSAK’

**Nombor Kelulusan**:

- setiap kelulusan iklan racun perosak akan diberikan nombor kelulusan dan nombor ini hendaklah **dipamerkan** atau ditanda dengan **jelas** pada iklan.
- Pelekat tidak dibenarkan

**‘Sticker’** pada ‘Blister Pack’ & ‘Aerosol’ :

- Ungkapan berikut perlu **dicetak** pada bahagian **paling bawah** iklan *sticker* berkenaan: **‘(JIRP./xxxx/xxxx- Utk blister pack/ aerosol….. [nama produk] shj.)’**

- ‘Sticker’ hendaklah **dilekatkan** pada bahagian hadapan ‘blister pack’ dan **tidak** menutup sebarang **teks label**.

- Bagi produk **aerosol** pula, ‘sticker’ hendaklah **dilekat** pada **penutup** aerosol.

**Pernyataan Yang Mengelirukan dan Gambaran Yang Salah:**

i) iklan **tidak boleh** menunjukkan atau membayangkan penggunaan racun perosak yang sewenangnya tetapi hendaklah sejajar dengan aturan penggunaannya seperti yang dinyatakan pada label keluaran yang berkenaan;

ii) Iklan **tidak** seharusnya membuat pengguna **menaruh kepercayaan** yang **berlebihan** terhadap nilai atau
kebaikan sesuatu produk;

iii) Iklan **tidak** seharusnya mengandungi sebarang pernyataan atau persembahan visual yang boleh **mengelirukan** pembeli;

iv) Iklan **tidak** seharusnya **membayangkan** atau **mengandungi** sebarang pernyataan mengenai perbandingan dengan racun perosak lain atau perbandingan kaedah kawalan perosak;

v) Iklan **tidak** seharusnya mengandungi perkataan atau ungkapan **superlatif** seperti "**sangat baik**", "**paling berkesan**", dll.

vi) **Kanak-kanak & remaja bawah 18 tahun tidak boleh** ditunjukkan atau dilibatkan dalam sebarang iklan racun perosak;

vii) Iklan **tidak** seharusnya membuat **dakwaan** atau **mengaitkan** sesuatu **produk racun perosak** itu dengan **hasil tanaman** atau **mutu pengeluaran** dan sebagainya;

viii) Iklan **tidak** seharusnya bertentangan dengan **budaya, norma** atau **nilai hidup** masyarakat tempatan;

ix) Iklan **tidak boleh** mempamerkan **aksi keganasan, penggunaan senjata api** dan seumpamanya;

x) Sesuatu iklan **tidak seharusnya menanam rasa takut** yang **tidak perlu** atau **sengaja diperbesar-besarkan** dikalangan orang awam.

**Nasihat, testimonial atau syor profesional:**

Iklan **tidak boleh** mengandungi pernyataan yang memberi **tanggapan nasihat, testimonial** atau syor professional yang dibuat oleh seseorang dalam iklan,sebagai layak memberikan nasihat,testimonial atau syor tersebut.

## Maklumat sokongan:

- **Semua gambaran, dakwaan**, rujukan terhadap sesuatu ujian, percubaan, penyelidikan dan sebagainya dalam iklan mestilah mempunyai **maklumat sokongan** yang relevan.

- Permohonan iklan Pengendali Kawalan Makhluk Perosak **(PCO)** hendaklah disertakan bersama **salinan Lesen Pengendali Kawalan Makhluk** Perosak

- Perkataan '***Untuk Dikendalikan oleh Orang yang Terlatih Sahaja'*** perlu dimasukkan dalam iklan Pengendali Kawalan Makhluk Perosak (PCO). Alamat laman web pada iklan **TIDAK** dibenarkan kecuali dapat disokong dengan dokumen salinan sijil kelulusan dan salinan iklan laman web berkenaan yang **diluluskan** oleh Lembaga

**TIDAK DIBENARKAN** :
**Sebarang media elektronik seperti : Facebook, Instagram, SMS, Whatapps,Blogspot, Forum etc**

**Lembaga mendapati sukar kawal iklan , kandungan teks boleh diubahsuai tanpa pengetahuan Lembaga.**
**Tindakan undang- undang boleh diambil.**

**E- COMMERCE:**

**DIBENARKAN dengan memohon permohanan seperti biasa.**

**Rujukan terhadap pertubuhan:**

- Iklan **tidak** seharusnya mengandungi sebarang **rujukan kepada kolej, institut**,makmal, institusi ataupun sebarang pertubuhan bersabit dengan gambaran yang digunakan.

i) Iklan **tidak** seharusnya mengandungi
sebarang **dakwaan** tentang **keselamatan**
sesuatu racun perosak. Perkataan
seperti"selamat", "kurang beracun" dan
sebagainya adalah dilarang;
ii) Iklan **tidak** seharusnya mengandungi
perkataan seperti "wangi", "tidak

## Hadiah percuma dan peraduan:

Promosi/iklan yang menawarkan hadiah percuma sama ada dengan pembelian racun perosak atau tidak, boleh dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:-

i) Hadiah percuma seberapa yang boleh hendaklah dalam bentuk **penambahan kuantiti produk** pada **harga** atau **kuantiti** yang **sama** pada **harga** yang **lebih murah.**

Jika tidak, pemberian hadiah percuma mestilah dalam bentuk **barangan** yang **berkaitan** dengan **penggunaan racun** perosak sahaja eg. **Topi**, pementik api, dan sebagainya

ii) **Semua jenis peraduan, cabutan bertuah** atau **skim pengumpulan mata ganjaran** yang melibatkan racun perosak **tidak dibenarkan;**

- Iklan yang bermaksud untuk kegunaan dalaman **secara eksklusif** oleh orang yang atas namanya racun perosak itu didaftarkan adalah **dikecualikan** daripada peraturan-peraturan ini dengan syarat suatu pernyataan "**Untuk Kegunaan Dalaman Sahaja**" dicetak pada iklan

## Larangan:

**Tiada seorang pun** boleh mengiklankan sesuatu racun makhluk perosak melainkan jika iklan tersebut **diluluskan oleh Lembaga.**

**Penalti:**

Mana-mana orang yang **melanggar Peraturan-Peraturan** ini atau mana-mana terma dan syarat kelulusan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan di bawah **seksyen 56 Akta**

*TERIMA KASIH*